

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA



Strategi Usahawan DIY

Wan Nazriah Wan Nawawi & Noorazlin Ramli
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Terengganu, Dungun, Terengganu.

Semakin ramai rakyat Malaysia mula terpengkil untuk berniaga dengan adanya pelbagai platform secara atas talian yang memudahkan mereka untuk memasarkan produk yang dihasilkan. Produk kecantikan adalah pilihan utama bagi usahawan muda yang baru menggunakan produk buatan sendiri Do it Yourself (DIY) ataupun produk Homemade. Sebilangan besar yang menjual produk DIY atau homemade ini datang daripada mereka yang benar-benar organik lover iaitu mereka adalah pengguna tegar produk organik ini dan timbulnya idea mereka untuk berkongsi dengan orang ramai sebagai jualan.

Secara amnya, setiap orang mahu penampilan mereka menarik, sama ada lelaki atau wanita. Selain cara pemakaian, penjagaan muka dan badan juga adalah sangat penting untuk membina keyakinan diri dan kelihatan lebih menarik serta berketerampilan positif. Sasaran pasaran bukan sahaja tertumpu kepada produk kecantikan wanita, malah produk untuk lelaki juga dilihat mendapat sambutan yang baik. Dalam satu data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai anggaran penduduk semasa Malaysia 2019, jantina lelaki (16.8 juta – 51.5%) jauh lebih ramai daripada wanita (15.9 juta – 48.5%) dengan perbezaan sebanyak 0.9 juta (3%) membawa kepada nisbah jantina 107 orang lelaki bagi 100 orang wanita. Ayuh mulakan

strategi anda!

Strategi untuk bergelar usahawan DIY yang berjaya melalui perniagaan produk kecantikan:

Promosi tanpa henti!

Produk yang bagus perlu disebar luas tanpa henti. Walaupun anda mempunyai produk yang bagus tetapi jika tiada orang yang tahu maka tersimpanlah produk tanpa pengetahuan pembeli. Gunakan media sosial sebagai tempat mempromosikan produk anda. Banyak platform yang boleh digunakan sama ada percuma atau berbayar. Antaranya adalah Facebook (Profile, Page, Group dan Ads), Blog, Google Ads, Instagram, YouTube dan shopee.

Berikan sampel percuma kepada orang yang berpengaruh di media sosial.

Kebanyakan Instafamous dan blogger yang mempunyai puluhan ribu followers dapat membantu meluaskan potensi jualan. Make-up Artist juga dilihat berpengaruh untuk review produk anda. Sekiranya anda mempunyai modal yang besar, pengaruh artis-artis tanahair yang mempunyai jutaan followers sebagai duta juga dapat membantu peningkatan jualan. Cara ini memerlukan modal yang banyak tetapi ianya akan meluaskan pasaran kepada pembeli serta lebih cepat tersebar dengan kuasa viral.

Jalanan hubungan perniagaan

Wujudkan jalinan hubungan perniagaan dengan kedai, spa, kafe atau mana-mana perniagaan yang dilihat berpotensi untuk bekerjasama. Berikan secara consignment pada peringkat permulaan. Persetujuan situasi menang-menang yang mana anda terus promosikan produk anda untuk berada di premis berkenaan dan secara tidak langsung anda menambah nilai kepada premis tersebut dengan iklan anda. Selain daripada premis perniagaan, anda juga boleh bekerjasama dengan peniaga atas talian untuk menggunakan produk kecantikan anda dengan membuat Live Tutorial di sosial media dan ditonton oleh beribu orang. Minta mereka review produk anda semasa membuat Live.

Gunakan Teknik softselling

Soft selling bermaksud membina kredibiliti dan kepercayaan pembeli terlebih dahulu dengan berkongsi maklumat dan informasi. Apabila dapat membina kepercayaan dan kredibiliti, usahawan juga dapat membina perniagaan yang lebih baik. Contohnya, berkongsi petua kecantikan sebelum meletakkan post jualan di wall. Perkongsian ini membuka pandangan pembeli untuk menitikberatkan kecantikan dan tertarik untuk mendapatkan manfaat daripada produk yang dijual.

Paling UTAMA! Produk sendiri atau menjadi ejen (dropship)

Sekiranya anda mempunyai modal besar dan kemahiran, memiliki produk sendiri adalah pilihan terbaik. Namun, sekiranya anda kekurangan modal, bolehlah dimulakan dengan menjadi usahawan iaitu ejen atau dropship produk orang lain yang berkualiti. Setelah berkeyakinan, bolehlah miliki produk sendiri untuk mendapat pulangan yang lebih besar.

